KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	04.04.22	MUKA SURAT	:	21
JABATAN	:	TNB			

BH Isnin, 4 April 2022



Hasan (tengah) dan Baderul Sham (tiga dari kiri) pada Program Ceria Ke Sekolah TNB 2022 peringkat Pahang di Dewan Telok Gading Tanjung Gemok, Rompin, semalam. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

TNB peruntuk RM10.5j bantu murid sejak 2013

Syarikat teruskan program CSR sedia kelengkapan persekolahan

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Rompin: Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyediakan peruntukan lebih RM10.5 juta bagi menjayakan program 'Back to School' dalam tempoh sembilan tahun sejak 2013.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Hasan Arifin, berkata tahun ini TNB menyediakan peruntukan RM1 juta lagi bagi meneruskan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) membabitkan 55 kawasan di seluruh negara.

Katanya, di Pahang seramai 1,254 murid dari lapan kawasan di Rompin, Bera, Cameron Highlands, Temerloh, Bentong, Jelai, Janda Baik dan Raub menerima sumbangan membabitkan perbelanjaan sebanyak RM230,600.

"Setiap murid menerima barangan keperluan seperti pakaian seragam, kasut, beg dan alat tulis bernilai RM200.

"Bantuan yang diberikan diharap dapat meringankan beban keluarga berpendapatan rendah di seluruh negara," katanya pada Program Ceria Ke Sekolah (CKS) TNB 2022 peringkat Pahang di Dewan Telok Gading Tanjung Gemok, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Besar TNB Pahang, Datuk Baderul Sham Saad.

Beliau berkata, pandemik COVID-19 menyebabkan kegiatan ekonomi terjejas hingga mengakibatkan kehidupan rakyat terhimpit.

Justeru, katanya bantuan yang disediakan TNB dapat meringankan beban golongan terbabit.

Hasan yang juga Ahli Parlimen Rompin berkata, bagi membantu rakyat yang dalam kesempitan, TNB sentiasa mengadakan pelbagai program CSR seperti membina dan membaiki rumah, bantuan pendidikan serta bantuan prihatin elektrik.

"Bantuan yang diberikan itu menjadi cerminan budaya korporat TNB yang sentiasa prihatin dengan rakyat dan sentiasa bersedia berkongsi kemakmuran dengan masyarakat terutama dalam suasana sukar ketika negara masih dalam proses pemulihan ekonomi," katanya